

**Pilih jawapan yang betul.**

1. Sharman mendapati dompetnya hilang. \_\_\_\_\_ dompetnya tercicir atau tersalah letak.
- A. Justeru
  - B. Mungkin
  - C. Kemudian
  - D. Akhirnya



2. Lebuhraya Persekutuan \_\_\_\_\_ dengan kenderaan yang lalu-lalang.
- A. terang
  - B. pantas
  - C. sibuk
  - D. sempit
3. Beberapa orang kanak-kanak menguli \_\_\_\_\_ itu dan membuat beberapa bentuk yang menarik.
- A. tanah gambut
  - B. tanah liat
  - C. tanah air
  - D. tanah pusaka
4. Cita-citanya yang sedang \_\_\_\_\_ selama ini, masih belum tercapai lagi.
- A. terpendam
  - B. terbuka
  - C. terserlah
  - D. tersirat
5. Mak Munah menjual kuih-muih \_\_\_\_\_ menyara keluarganya selepas kematian suaminya.
- A. di
  - B. daripada
  - C. untuk
  - D. dari

6. Pak Cik Salman menabur \_\_\_\_\_ ke dalam petak-petak sawah.
- A. anak daging
  - B. anak pungut
  - C. anak pinak
  - D. anak benih
7. Beberapa orang mahasiswi Universiti Malaya menjalankan \_\_\_\_\_ terhadap murid-murid Tahap Satu di sekolah itu.
- A. soal selidik
  - B. kaji bumi
  - C. temu janji
  - D. uji kaji
8. “\_\_\_\_\_ yang menyebabkan Lim dan Ravi bergaduh? Tan atau Abu?” Tanya Leman.
- A. Adakah
  - B. Siapakah
  - C. Mengapakah
  - D. Bagaimanakah
9. Pemuda itu telah dibuang kerja kerana didapati **menerima rasuah.**
- A. makan suap
  - B. makan hati
  - C. makan gaji
  - D. gaji buta
10. Kecemerlangan Johari dalam peperiksaan telah menjadi \_\_\_\_\_ orang kampungnya.
- A. buah hati
  - B. buah mulut
  - C. buah fikiran
  - D. buah tangan



11. Sri berjalan \_\_\_\_\_ kerana kakinya luka terpijak kaca.
- tergopoh-gapah
  - terhuyung-hayang
  - terhincut-hincut
  - terkial-kial
12. Penyanyi yang \_\_\_\_\_ itu mempunyai banyak peminat dan sentiasa sibuk memenuhi undangan nyanyian.
- seni bersuara
  - berseni tari
  - bersuara emas
  - berlakon layar
13. Adik suka makan keropok yang \_\_\_\_\_.
- lembik
  - liat
  - rapuh
  - reput
14. Beberapa orang \_\_\_\_\_ yang hilang akibat kapal karam itu masih belum ditemukan.
- kapal layar
  - anak kapal
  - anak ikan
  - anak bangsa
15. Hakisan tanah dapat dielakkan jika \_\_\_\_\_ hutan dikawal oleh pihak kerajaan.
- penerokaan
  - pembersihan
  - pembasmian
  - penghapusan
16. Cik Milla sedang membaca \_\_\_\_\_ yang terkandung di dalam buku program pertandingan syarahan itu.
- pratonton
  - prasangka
  - prakata
  - prasyarat



Pilih **ayat yang sama maksud** dengan ayat yang diberikan bagi soalan 17 dan soalan 18.

17. Ramai orang telah menyaksikan pertunjukan itu.
- Pertunjukan itu telah disaksikan oleh ramai orang.
  - Pertunjukan ramai telah disaksikan oleh itu.
  - Ramai pertunjukan itu telah disaksikan oleh orang.
  - Orang telah saksikan ramai pertunjukan itu.
18. Dalam mesyuarat itu dia mengemukakan buah fikiran yang bernas.
- Buah fikiran yang bernas dikemukakan dalam mesyuarat itu.
  - Buah fikirannya yang bernas diperlukan dalam mesyuarat itu.
  - Dia menyatakan bahawa ideanya dalam mesyuarat itu bernas.
  - Idea yang diberikan kepadanya dalam mesyuarat itu bernas.
19. \_\_\_\_\_ majlis meminta para tetamu berdiri kerana nyanyian lagu "Negaraku" akan bermula.
- Jurutaip
  - Juruacara
  - Jurujual
  - Juruteknik
20. Pilih ayat **kata banyak maksud** yang betul.
- Kain langsir yang ibu baru beli itu agak jarang.
  - Roslan jarang datang ke sekolah akhir-akhir ini kerana masalah kesihatan.
  - Hamdan jarang keluar pada waktu malam sejak dimarahi oleh ayahnya.
  - Nada suaranya kedengaran sungguh jarang semenjak dia dimasukkan ke hospital.
- I sahaja
  - II dan IV
  - I, II dan III sahaja
  - I, II, III dan IV

21. Pilih ayat **kata banyak maksud** yang betul.
- Tapak kasut itu sudah haus kerana sudah lama digunakan.
  - Cuaca yang panas menyebabkan saya berasa sangat haus.
  - Tubuh Pak Daud semakin hari semakin haus.
  - Akibat kemarau yang berpanjangan, air kolam dan sungai itu menjadi haus.
    - I dan II sahaja
    - II dan III sahaja
    - I dan IV sahaja
    - III dan IV sahaja
22. Pendidikan \_\_\_\_\_ amat penting untuk kanak-kanak yang berusia seawal lima tahun.
- prasejarah
  - pratulis
  - prasekolah
  - prabaca
23. Sikap Osman yang **tidak tahu mengenang budi** itu membuat dia dibenci oleh kawan-kawannya.
- bagai isi dengan kuku
  - seperti kacang lupakan kulit
  - seperti api di dalam sekam
  - bagai kumbang putus tali
24. Bapa Gayathri tidak keluar rumah selepas senja kerana dia \_\_\_\_\_.
- rambang mata
  - rabun ayam
  - panjang tangan
  - kera sumbang
25. Jantungnya \_\_\_\_\_ kerana terperanjat melihat kejadian itu.
- kembang-kempis
  - berdegup-degap
  - turun-naik
  - berdenyut-denyut
26. Shangkary masih \_\_\_\_\_ akan peristiwa pahit yang telah menimpa dirinya.
- ternampak-nampak
  - teringat-ingat
  - terbawa-bawa
  - terlupa-lupa
27. Kehidupan Mak Kiah diibaratkan bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. \_\_\_\_\_, semangatnya masih kukuh untuk membesarkan anakanaknya.
- Biarpun demikian
  - Lebih-lebih lagi
  - Oleh itu
  - Mungkin
28. Kathir merujuk kamus \_\_\_\_\_ untuk mencari makna perkataan yang sukar.
- dwibulanan
  - dwibahasa
  - dwicara
  - dwiguna
29. Para penonton menari dengan riang semasa \_\_\_\_\_ popular itu menyanyikan lagu kegemaran ramai.
- olahragawati
  - peragawati
  - seniwati
  - biduanita
30. **Pilih ayat yang betul.**
- Buah belimbing yang kuning bukan masam.
  - Puan Pushpa bukan suka membuat gubahan bunga.
  - Daud bukan nakal, tetapi suka mengusik kawan-kawannya.
  - Mereka tidak pernah menonton wayang di panggung wayang.



31. Nagen tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar \_\_\_\_\_ ditentang oleh ibunya.

- A. sementara
- B. walaupun
- C. sejak
- D. agar

32. Ekspo pertanian itu akan dilanjutkan tempohnya \_\_\_\_\_ mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.

- A. jika
- B. ketika
- C. hingga
- D. sementara

33.




Keindahan alam sekeliling di sekitar puncak gunung itu akan \_\_\_\_\_ pada ketika cuaca baik.

- A. ternampak
- B. tergambar
- C. terserlah
- D. terbuka

34. Gelang lama itu perlu \_\_\_\_\_ sebelum dibentuk mmenjadi gelang baru.

- A. dilebur
- B. dikerat
- C. dilentur
- D. digilis

35.



Nakhoda itu mengarahkan anak-anak kapalnya \_\_\_\_\_ sauh yang berat itu di muara sungai.

- A. melontarkan
- B. menghulurkan
- C. meletakkan
- D. melabuhkan

36. **Pilih ayat yang betul.**

- A. Harga sebuah komputer tidak mahal sekarang.
- B. Anak gadis Puan Sharvina bukan secantik ibunya.
- C. Pintu rumahnya bukan dikunci ketika dia keluar tadi.
- D. Murid cemerlang itu tidak daripada keluarga yang berada.

37. Pelancong yang berasal \_\_\_\_\_ Canada itu fasih berbahasa Malaysia kerana beliau tinggal di sebuah Homestay hampir dua bulan.

- A. pada
- B. di
- C. daripada
- D. dari

38. Berita \_\_\_\_\_ bencana alam yang telah berlaku di Indonesia itu disiarkan di televisyen dari semasa ke semasa .

- A. akan
- B. dengan
- C. tentang
- D. antara



39. Setibanya saya \_\_\_\_\_ Kuala Kangsar, saya telah dipelawa \_\_\_\_\_ seorang penduduk kampung di situ bertandang ke rumahnya.
- A. ke...oleh
  - B. pada...dengan
  - C. di ...oleh
  - D. dalam ...daripada

40. **Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.**

Bendera dinaikkan oleh pengawas sekolah pada tiap-tiap hari Isnin.

- A. Pada tiap-tiap hari Isnin pengawas menaikkan bendera sekolah.
  - B. Pada tiap-tiap hari Isnin pengawas sekolah menaikkan bendera.
  - C. Pengawas sekolah menaikkan tiap-tiap bendera pada hari Isnin.
  - D. Pengawas sekolah menaikkan pada tiap-tiap hari Isnin bendera.
41. Pilih ayat **kata banyak maksud** yang betul.
- i. Yasmin gugur dari basikalnya.
  - ii. Beberapa orang askar gugur dalam pertempuran itu.
  - iii. Buah durian itu telah mula gugur
  - iv. Harga petrol telah gugur sebanyak sepuluh sen seliter.
- A. I dan III sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

42. Untuk memagari kebunnya, Pak Cik Rashid telah membeli beratus-ratus \_\_\_\_\_ kawat berduri.
- A. utas
  - B. gelung
  - C. gulung
  - D. bidang



43. Pn.Hema membeli sebatang tebu dan memotongnya agar setiap anaknya mendapat \_\_\_\_\_ .
- A. sebiji
  - B. seruas
  - C. sehiris
  - D. seketul

44. Pemuda itu telah menjumpai \_\_\_\_\_ kunci sewaktu dalam perjalanan ke perhentian bas.
- A. seutas
  - B. sebilah
  - C. sejangkak
  - D. serumpun

**Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan bagi soalan 45 dan soalan 46.**

45. Selepas menggosok kerusi itu dengan kertas pasir, ayah menyapunya dengan varnish.
- A. Kertas pasir itu digosok oleh ayah pada kerusi yang disapu varnish.
  - B. Kerusi itu perlu disapu dengan varnish sebelum digosok dengan kertas pasir ayah.
  - C. Ayah menyapu kertas pasir pada kerusi yang digosoknya dengan varnish.
  - D. Ayah menyapu varnish pada kerusi yang telah digosoknya dengan kertas pasir itu.
46. Syarikat itu telah diswastakan oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya.
- A. Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat itu, kerajaan telah menswastakan syarikat tersebut.
  - B. Mutu perkhidmatan syarikat yang diswastakan oleh kerajaan itu meningkat.
  - C. Kerajaan berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat yang diswastakan itu.
  - D. Syarikat itu meminta kerajaan menswastakan syarikatnya dalam usaha untuk meningkatkan mutu.

47. Pilih ayat yang betul.

- A. Adik berani makan ubat itu kerana bukan pahit.
- B. Elisya tidak ingat di mana dia meletakkan beg tangannya.
- C. Dhanesh bukan dijemput ke majlis perkahwinan kawannya itu.
- D. Rakan-rakannya bukan bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan.

48. Penyelam itu menemui batu karang dan spesies ikan yang cantik semasa menyelam di \_\_\_\_\_ laut Pulau Redang.

- A. samping
- B. dasar
- C. atas
- D. tepi

49. Negeri \_\_\_\_\_ Kedah terletak di \_\_\_\_\_ Semenanjung Malaysia dan terkenal dengan gelaran jelapang padi.

- A. selatan
- B. utara
- C. timur
- D. barat

50. Pilih ayat **kata banyak maksud** yang betul.

- i. Gerhana matahari berlaku apabila bulan melindungi matahari
- ii. Ayah akan mengirinkan perbelanjaan bulan bagi kami sekeluarga melalui pos
- iii. Mengapakah Azila sudah beberapa bulan tidak datang ke sekolah?
- iv. Setiap akhir bulan ayah menerima gaji daripada majikannya.

- A. I dan II sahaja
- B. I,III dan IV sahaja
- C. II dan III sahaja
- D. I,II,III dan IV

51. Pilih ayat **kata banyak maksud** yang betul.

- i. Oleh kerana ayah Kamal suntut wang, Kamal tidak dapat menyertai rombongan sekolahnya ke Melaka.
  - ii. Petani itu dapat menuai kesemua padinya kerana dia sekeluarga bekerja sehari suntut.
  - iii. Para peserta gagal menyiapkan projek mereka disebabkan masa yang diberi begitu suntut.
  - iv. Perasaannya suntut apabila musim tengkujuh tiba kerana dia tidak dapat turun ke laut.
- A. II dan III sahaja
  - B. II, III dan IV sahaja
  - C. I dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

52. Pilih ayat **kata banyak maksud** yang betul.

- i. Gasing itu berputar dengan kencang apabila dilemparkan ke tanah.
  - ii. Tendangannya yang kencang telah menyebabkan bola itu keluar padang.
  - iii. Angin yang kencang menyebabkan beberapa batang pokok tumbang.
  - iv. Kita tidak digalakkan bercakap kencang dengan orang tua-tua.
- A. I dan IV sahaja
  - B. II, III dan IV sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV sahaja

53. Shanon kelihatan mengantuk lagi. \_\_\_\_\_ dia menolong ibunya di warung sehingga lewat malam.

- A. Kemudian
- B. Mungkin
- C. Selain itu
- D. Namun



54. **Pilih ayat yang betul.**

- A. Aiman tidak adik Abu Bakar, tetapi adik Ismail.
- B. Sayur-sayuran itu tidak dari kebun Pak Cik Muthu.
- C. Baju baharu itu bukan untuk kakak, tetapi untuk ibu.
- D. Adik bukan berasa lapar walaupun telah berpuasa sepanjang siang.

55. Osman tidak percaya akan berita itu kerana ia adalah **berita yang tidak jelas.**

- A. bawah angin
- B. lidah bercabang
- C. khabar angin
- D. cakap besar

56. Fariq telah mengambil keputusan untuk berada di \_\_\_\_\_ kerana tidak mahu dikatakan tidak adil.

- A. makan suap
- B. bintang terang
- C. atas angin
- D. atas pagar

57. Rushmitra tidak berani mendekati mangsa kemalangan itu kerana dia mudah \_\_\_\_\_.

- A. hutang darah
- B. naik darah
- C. hisap darah
- D. mabuk darah

58. Orang kaya itu tidak disukai oleh orang-orang kampung kerana dia **tangkai jering.**

- A. sombong
- B. cerewet
- C. pelokek
- D. boros

59. Perarakan \_\_\_\_\_ sempena Hari Tentera Darat itu diadakan di Dataran Merdeka.

- A. askar-askar
- B. kapal-kapal
- C. kereta-kereta
- D. panji-panji

60. **Pilih ayat yang betul.**

- A. Kereta mewah itu tidak kepunyaan Datuk Syed.
- B. Adik tidak tidur sepanjang malam kerana sakit perut.
- C. Penyanyi itu bukan boleh menyanyi kerana tekaknya sakit.
- D. Bas itu bukan berhenti walaupun telah ditahan oleh pihak polis.

61. Keadaan di kawasan itu menjadi \_\_\_\_\_ apabila dentuman kuat kedengaran.

- A. kusut-masai
- B. serbah-serbih
- C. kacau-bilau
- D. hingar-bingar

62. Sampan kecil itu \_\_\_\_\_ dengan tiga kelapa dan buah cempedak yang baru dipetik dari kebun Lebai Malau.

- A. berat
- B. muat
- C. sarat
- D. ketat

63. **Pilih ayat yang betul.**

- A. Raj bukan suka makan ulam-ulaman.
- B. Lembu itu tidak disembelih pada Hari Raya nanti.
- C. "Maafkan saya, cikgu. Saya tidak hadir semalam," kata Rita.
- D. "Saya bukan sengaja hendak mencederakan awak," kata Rishi.

64. Semua pihak perlu memberi sokongan \_\_\_\_\_ kepada aktiviti-aktiviti persatuan belia yang dijalankan di kampung Maju Maju.

- A. gagah
- B. padu
- C. teguh
- D. kukuh



65. "Tolong belikan saya se \_\_\_\_\_ pisang dan se \_\_\_\_\_ rambutan di gerai buah-buahan itu," pesan ibu kepada ayah.

- A. biji ... buah
- B. sisir ... ikat
- C. tandan ... gugus
- D. sikat.....longgok

66. Pak Cik Sivam ke hutan dengan membawa \_\_\_\_\_ parang dan \_\_\_\_\_ tali untuk mencari rotan.

- A. sebetuk ... selembur
- B. sebatang ... segelung
- C. selaras ... segulung
- D. sebilah ... seutas

67. Polis telah melepaskan beberapa \_\_\_\_\_ tembakan dengan menggunakan lima \_\_\_\_\_ rifel M16.

- A. butir ..... pucuk
- B. das ..... laras
- C. biji ..... batang
- D. laras ..... das

68. Setiap kali ayah pulang dari kampung, dia akan memuatkan keretanya dengan beberapa \_\_\_\_\_ rambutan serta beberapa \_\_\_\_\_ kelapa.

- A. ulas ..... sikat
- B. biji ..... tandan
- C. ikat ..... tandan
- D. ikat ..... sisir

69. Sebelum beredar dari rumah nenek, emak sempat menjamah \_\_\_\_\_ pulut dan memakan \_\_\_\_\_ sirih.

- A. seketul ..... sekeping
- B. segenggam ..... sehelai
- C. sepotong ..... selembur
- D. sekepal ..... sekapur



70. **Pilih ayat yang betul.**

- A. Garam rasanya masin, tidak manis.
- B. Jangan fikirkan perkara yang bukan betul.
- C. Kata-katanya tidak akan saya percayai lagi.
- D. Saya bukan menjangka dia akan datang juga.

71. Abang tidak menyangka adik bongsunya yang masih kecil itu sudah pandai \_\_\_\_\_ padi.

- A. menumbuk
- B. mengopek
- C. mencantas
- D. mengupas

72. Puan Danisha \_\_\_\_\_ tepung itu bulat-bulatsebelum dimasukkan ke dalam air yang mendidih.

- A. menggentel
- B. mencanai
- C. mengisar
- D. menguli

73. Anak ayam lari bertempieran apabila seekor helang mencuba\_\_\_\_\_ .

- A. menyambar
- B. merenggut
- C. mengambil
- D. merampas

74. Yooges \_\_\_\_\_ kesejukan kerana kehujanan dalam perjalanan pulang dari sekolah.

- A. mengecut
- B. meracau
- C. menggoyang
- D. menggigil

75. Ibu \_\_\_\_\_ barang perak dan tembaga peninggalan nenek dengan baik di dalam almari perhiasan.

- A. menyorok
- B. menyembunyi
- C. menghias
- D. menyimpan



76. Tan belum menghantar borang penyertaan pertandingan mengarang \_\_\_\_\_ tarikh tutup semakin hampir.

- A. justeru
- B. lagipun
- C. namun
- D. walhal

77. Rohaya seorang murid yang rajin dan berdisiplin. \_\_\_\_\_ dia sentiasa mendapat pujian daripada guru-gurunya.

- A. Selain itu
- B. Oleh sebab itu
- C. Namun demikian
- D. Biar pun demikian

78. Kerajaan terpaksa menangguhkan banyak projek kerana kegawatan ekonomi. \_\_\_\_\_, program membantu rakyat miskin tetap dilaksanakan.

- A. Selain itu
- B. Lebih-lebih lagi
- C. Walaupun demikian
- D. Oleh sebab itu

79. **Pilih ayat yang betul.**

- A. Yang ini ialah naga, bukan ular.
- B. Saya tidak adik Santosh. Saya adik Krish.
- C. Untuk menyelesaikan masalah itu, tidak begitu caranya.
- D. Bukan berapa lama selepas itu, Sang Kancil pun datang.



Pilih **ayat yang sama maksud** dengan ayat yang diberikan bagi soalan 80 dan soalan 81.

80. Oleh sebab tidak memakai lencana Kok Yao didenda oleh guru disiplin.

- A. Guru disiplin yang tidak memakai lencana sekolah didenda oleh Kok Yao.
- B. Kok Yao didenda oleh guru disiplin kerana tidak memakai lencana sekolah.
- C. Kok Yao dan guru disiplinnya didenda kerana tidak memakai lencana sekolah.
- D. Guru disiplin itu didenda oleh Kok Yao kerana tidak memakai lencana sekolah.

81. “ Kim Hock, ibu tidak benarkan kamu bermain layang-layang di tepi jalan,” kata ibu.

- A. Ibu melarang Kim Hock bermain layang-layang di tepi jalan.
- B. Ibu menasihati Kim Hock agar bermain layang-layang di tepi jalan.
- C. Ibu Kim Hock membencinya kerana bermain layang-layang di tepi jalan.
- D. Ibu tidak membenarkan Kim Hock bermain layang-layang di taman permainan.

82. Pilih **ayat tanya** yang paling sesuai dengan ayat yang diberikan.

Projek pembinaan jambatan itu terpaksa dibatalkan kerana menerima bantahan daripada penduduk.

- A. Bagaimanakah sikap penduduk terhadap projek pembinaan jambatan itu?
- B. Mengapakah penduduk membantah projek pembinaan jambatan itu?
- C. Siapakah yang membantah projek pembinaan jambatan tersebut?
- D. Mengapakah projek pembinaan jambatan itu dibatalkan?

83. **Pilih ayat yang betul.**
- Bola itu disepak oleh saya.
  - Sedap Restoran terletak di Jalan Sakeh.
  - "Kami akan berkelah di Tanjung Mas semalam", kata Murni.
  - Jarak di antara rumahnya dengan sekolah hanya satu kilometer.
84. Abang telah membeli beberapa \_\_\_\_\_ baju berjenama dan se \_\_\_\_\_ kasut kulit di kedai.
- keping ... buah
  - helai ... pasang
  - pasang ... pasang
  - pasang... kotak
85. **Pilih ayat kata banyak maksud yang betul.**
- Penjual ubat itu gamat kerana dikerumuni oleh orang ramai.
  - Suasana di Kampung Teratai menjadi gamat apabila kedengaran satu letupan yang kuat.
  - Kawasan setinggi yang berdekatan itu gamat dengan rumah-rumah.
  - Majlis perkahwinan itu gamat dengan gelak ketawa.
- II dan IV sahaja
  - II, III dan IV sahaja
  - I dan III sahaja
  - I, II, III dan IV
86. **Pilih ayat kata banyak maksud yang betul.**
- Elakkan membaca di tempat yang gelap supaya mata tidak cepat kabur.
  - Soalan yang kabur biasanya sukar dijawab oleh murid.
  - Cuaca hari ini diramalkan kabur pada sebelah pagi.
  - Cermin itu kelihatan kabur kerana sudah lama tidak dibersihkan.
- I dan II sahaja
  - II, III dan IV sahaja
  - II dan III sahaja
  - I, III dan IV sahaja
87. **Pilih ayat kata banyak maksud yang betul.**
- Semenjak Rogha bertukar alamat beberapa orang kawannya tidak dapat menghubunginya lagi.
  - Alamat Leman akan dimarahi ibunya kerana dia mandi di lombong itu.
  - Ayam berkokok alamat hari hendak siang.
  - Kapal terbang itu dibenarkan mendarat setelah juruterbangnya menerima alamat dari menara kawalan.
- I dan II sahaja
  - I, II dan III sahaja
  - III dan IV sahaja
  - II, III dan IV sahaja
88. Pusat Sumber sekolah itu telah memesan dua ratus \_\_\_\_\_ akhbar "Berita Harian" daripada syarikat itu setiap bulan.
- helai
  - keping
  - lembar
  - naskhah
89. \_\_\_\_\_ pegganas telah merampas sebuah kapal terbang di negara itu.
- Sekawan
  - Sepasukan
  - Seangkatan
  - Segerombolan
- Pilih jawapan yang tepat bagi **soalan 90 hingga 100.**
90. Semua murid-murid sangat takut kepada Cikgu Asok kerana dia **panas darah.**
- suka memukul
  - gemar berleter
  - mudah melatah
  - mudah marah



91. Perangai anak perempuannya yang **kutu embun** itu merisaukan hati Mak Limah.
- pandai mencari helah
  - suka menghasut
  - tidak dapat mengenali sesuatu yang buruk ataupun baik
  - suka keluar hingga larut malam
92. Keadaan Aliff Imran \_\_\_\_\_ menyebabkan dia tidak mahu menyertai perlumbaan jalan kaki.
- bagai cicak makan kapur
  - bagai kumbang putus tali
  - bagai itik pulang petang
  - bagai balak terendam
93. Jalur Gemilang kelihatan \_\_\_\_\_ apabila ditiup angin.
- berbuai-buai
  - berkibar-kibar
  - bergerak-gerak
  - bergoyang-goyang
94. Naga \_\_\_\_\_ setelah menerima panggilan ugutan dan pesanan ringkas daripada seorang yang tidak dikenali.
- bagai mencurah air ke daun keladi
  - bagai menghitung bulu kambing
  - bagai berumah di tepi pantai
  - bagai anjing buruk kepala
95. Orang tua itu \_\_\_\_\_ dilanggar kereta ketika sedang melintas jalan raya yang sibuk itu.
- dekat-dekat
  - nyaris-nyaris
  - senyap-senyap
  - kadang-kadang
96. Kejayaan perenang Malik Mydin merentasi Selat Inggeris telah menjadi \_\_\_\_\_ rakyat Malaysia.
- buah tangan
  - buah mulut
  - buah hati
  - buah pena
97. Sungguhpun Erra Fazira dan Umi Aida merupakan pasangan artis yang rapat, namun ada ketikanya mereka tidak sependapat seperti \_\_\_\_\_.
- rambut sama hitam, hati lain-lain
  - sambil menyelam minum air
  - ukur baju di badan sendiri
  - tepek dada tanya selera
98. Ayah meminta Pak Iskandar memandu kereta ketika di Kota Bharu kerana beliau lebih arif \_\_\_\_\_ jalan raya di sana.
- simpang-siur
  - selok-belok
  - lekak-lekuk
  - hiruk-pikuk
99. Encik Tarmizi \_\_\_\_\_ kerana beliau menurutinya semua arahan dan perintah yang diberikan oleh ketuanya.
- seperti lembu dicucuk hidung
  - seperti anjing menyalak bukit
  - seperti tikus membaiki labu
  - seperti murai tercabut ekor
100. Pesanan ayah dan ibu masih \_\_\_\_\_ di telinga.
- terngiang-ngiang
  - teringat-ingat
  - berbisik-bisik
  - berdesing-desing



